

# MEMORANDUM

Daripada : Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Kepada : Pengarah Penerangan  
(UP: Unit Penerbitan Iklan – Pelita Brunei)

Tarikh: 21 Rabiulakhir 1444  
16 November 2022

Rujukan Kami: JPA/1.4/UPK/A&S/TC/001

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

## IKLAN TAWARAN

Dengan hormatnya sukacita merujuk mengenai perkara di atas bagi permohonan pengiklanan bagi tawaran berikut:-

KETERANGAN TAWARAN
Two Year Term Contract For Supply And Delivery Of Printer Toner Cartridges For Jabatan Perkhidmatan Awam – JPA/1.4/UPK/A&S/TC/001

Sehubungan dengan itu, dipohonkan kerjasama daripada pihak Tuan untuk mengiklankan tawaran tersebut melalui Akhbar Pelita Brunei sebanyak **tiga kali keluaran** iaitu pada **30 November 2022 (Rabu)**, **3 Disember 2022 (Sabtu)** dan **5 Disember 2022 (Isnin)**.

Bersama ini dikepilkan syarat-syarat bagi iklan berkenaan.

Kerjasama daripada pihak Tuan dalam perkara ini adalah sangat-sangat diharapkan dan tidak lupa diucapkan terima kasih.

والله ولي التوفيق

"Perkhidmatan Awam Berintegriti dan Berinovasi Pemangkin Pembangunan Negara"  
"Kemajuan Berperancangan dan Sepadu, Persekitaran Kehidupan Berkualiti"

[ HAJAH SITI MARDYNAH HAJI IBRAHIM ]  
Pemangku Pengarah Pembangunan dan Pengurusan  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTIRI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**SYARAT-SYARAT TAWARAN:**

**RUJUKAN TAWARAN: JPA/1.4/UPK/A&S/TC/001**

**“Two Year Term Contract For Supply And Delivery Of Printer Toner Cartridges  
For Jabatan Perkhidmatan Awam”**

**BAYARAN TAWARAN: BND 5.00  
(Tidak dikembalikan)**

Dibukakan kepada Syarikat-syarikat atau Vendor yang mempunyai sijil Pendaftaran Perniagaan yang sah.

Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan dalam sampul surat dan hendaklah ditutup rapi tanpa menunjukkan identiti atau logo syarikat. Pada sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran ini dengan jelas. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran dan di alamat seperti berikut:

**PENGERUSI  
JAWATANKUASA SEBUTHARGA JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,  
BLOK 2D, JALAN KUMBANG PASANG  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Setiap borang tawaran hendaklah diisikan dengan lengkap dan mana-mana pembetulan hendaklah ditandatangani.

Tarikh tutup tawaran ialah pada **Hari Selasa, 20 Disember 2022, jam 2.00 petang**. Mana-mana tawaran yang lewat di terima dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dan pembayaran Bayaran Tawaran hendaklah dibayar di **Kaunter Lobi, Aras 1, Jabatan Perkhidmatan Awam, Simpang 156, Jalan Kumbang Pasang, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam** semasa hari-hari bekerja (Isnin-Khamis dan Sabtu), jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 2.00 petang hingga 3.30 petang.

Penender adalah bertanggungjawab bagi memastikan Sijil Pendaftaran Perniagaan masih sah laku sebelum membuat pembelian dokumen tawaran.

Penender hendaklah menyertakan Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan dan Salinan Resit Pembayaran. Kegagalan Penender dalam menyediakannya boleh menyebabkan tawaran yang dihadapkan tidak sah dan tidak akan dinilai.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran yang tidak munasabah.